

B520

MAHATHIR-ISLAM R'R'R'

1982

BANGI, 3 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEKANKAN PERLU NYA PEMIMPIN-PEMIMPIN MASYARAKAT ISLAM MENGETAHUI KEDUDUKAN UMAT ISLAM SEBENARNYA DARI SEGI MASA, TEMPAT, KEBOLEHAN DAN JUGA PERUBAHAN PERSEKITARAN YANG BERLAKU DI DUNIA SEKAPANG.

ANA MENTERI BERKATA, KESAGALAN MEMAHAMI PERKARA-PERKARA ITU AKAN MENJADIKAN MEREKA KURANG BERKESAN SEBAGAI PEMIMPIN MASYARAKAT ISLAM.

KATANYA PENDAPAT YANG TIDAK MENGAMBIL-KIRA PROSES PEMODENAN YANG SEDANG BERLAKU SUDAH TENTU AKAN MENGELIRUKAN ORANG ISLAM DAN MENGURANGKAN KEMAMPUAN MEREKA UNTUK MENGATASI CABARAN-CABARAN DAN SOAL-SOAL YANG TIMBIL DARI KEADAAN DUNIA YANG KURANG BERMINAT DENGAN AGAMA SEKARANG INI.

BELIAU MENEGASKAN DEMIKIAN KETIKA BERUCAP MERASMIKAN KURSUS KEFAHAMAN ISLAM SELAMA SEMINGGU DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA ANJURAN YAYASAN DAKWAH ISLAMIAH MALAYSIA (YADIM) DAN RABITAH AL-ALAM AL-ISLAMI.

TURUT HADIR IALAH TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, ENCIK ANWAR IBRAHIM, PEMANGKU YANG DIPERTUA YADIM HAJI DUSUKI HAJI AHMAD, TIMBALAN SETIAUSAHA AGUNG RABITAH SHEIKH MOHAMED ALI MOKHTAR DAN NAIB CANSOLOR UKM PROF. DATUK DR. AWANG HAD SALLEH.

-- BERSAMBUNG 1300/87

B521

MAHATHIR-ISLAM 2 BANGI

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENINGATKAN IMAM-IMAM YANG BERKHUTBAH SETIAP JUMAAT HENDAKLAH MEMBERI TEKANAN YANG SEIMBANG ANTARA DESAKAN YANG DITUNTUT OLEH AGAMA DAN LARANGANNYA.

KATANYA MASJID DAN MIMBAR TIDAK BOLEH DIKATAKAN MEMENUHI KEHENDAK AGAMA JIKA TIDAK BERKESAN DALAM MEMANDU UMAT ISLAM DALAM TUGAS-TUGAS DUNIA YANG DIHALALKAN OLEH ISLAM TETAPI HANYA MENUMPUKAN KEPADA LARANGAN SEMATA-MATA.

OLEH ITU ASPEK TERSEBUT MESTILAH DIBERI PERHATIAN DAN DITEKANKAN JIKA PEMIMPIN-PEMIMPIN MASYARAKAT ISLAM SEPERTI PARA IMAM BENAR-BENAR BERPEGANG KEPADA AGAMA ISLAM SEPENUHNYA DAN TIDAK MAHU UMAT ISLAM DITINDAS KERANA LEMAH, MISKIN DAN TANPA KEUPAYAAN, TEGASNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA IMAM-IMAM JUGA DIKEHENDAKI MEMBERI NASIHAT DAN PENJELASAN TERHADAP BERBAGAI-BAGAI SOAL KEMASYARAKATAN SUPAYA KEKELIRUAN DAPAT DIHAPUSKAN TERUTAMA BERKENAAN DENGAN AGAMA DAN MASYARAKAT.

MEMANDANGKAN TUGA YANG PENTING ITU MEREKA JUGA DIKEHENDAKI MEMPERLUASKAN PENGETAHUAN MEREKA DALAM AGAMA BAGI MENUNAIKAN TANGGUNGJAWAB ITU DENGAN BERKESAN. -- BERSAMBUNG 1303/SZ

MAHATHIR-ISLAM 3 KUALA LUMPUR

MENGENAI FUNGSI MASJID, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA IA ADALAH TEMPAT UMAT ISLAM BERKUMPUL DAN MENJALIN SILATURRAHIM DI SAMPING MENJADI TEMPAT UNTUK BERDAKWAH YANG BERKESAN.

MALANGNYA TERDAPAT JUGA MASJID DIJADIKAN TEMPAT MEMECAH-BELAHKAN UMAT ISLAM SEPERTI YANG PERNAH TERJADI DI NEGARA INI, KATANYA.

MENURUT BELIAU IMAM-IMAM ADALAH BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP WUJUDNYA PERBUATAN MUNKAR ITU DAN INI MUNGKIN KERANA TIDAK BERUPAYA UNTUK MENGATASINYA.

OLEH ITU ADALAH PERLU MEREKA MEMPERTINGKATKAN KEUPAYAAN SUPAYA DAPAT DIBENTERAS KEJADIAN YANG MALANG ITU. DAN BELIAU YAKIN BAHAWA KURSUS TERSEBUT AKAN MENDATANGKAN FAEDAH YANG BANYAK KEPADA PARA IMAM DAN MAKMUM MEREKA SERTA MEMBEKALKAN PENGETAHUAN BAGI MENYEDIAKAN MEREKA MENGHADAPI CABARAN DUNIA MODEN.

HAJI DUSUKI DALAM UCAPANNYA BERKATA KURSUS TERSEBUT ADALAH MERUPAKAN LANJUTAN KEPADA KURSUS-KURSUS YANG DIADAKAN DI NEGERI-NEGERI.

SERAMAI 300 ORANG PESERTA TERDIRI DARIPADA IMAM DAN PENDAKWAH DI SELURUH NEGARA MENYERTAINYA. -- BERNAMA-1305/SZ